

20) USJ ONE PARK

Adun : Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

Kategori : Lisan

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

- a) Sila nyatakan tindakan yang telah diambil terhadap pengarah dan pemegang saham yang menimbulkan isu penjualan lot bumi kepada bukan bumi di USJ One Park untuk memulihkan duit yang Kerajaan Negeri telah rugi akibat kes tersebut.**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri buat masa ini masih belum mengambil apa-apa tindakan terhadap Pengarah Syarikat dan Pemegang Saham syarikat tersebut. Namun begitu, Kerajaan Negeri dalam usaha untuk menyenaraihitamkan Pengarah Syarikat dan Pemegang Saham agar mereka tidak lagi dibenarkan untuk membuat apa-apa projek/ pembangunan di Negeri Selangor. Ke arah itu, Kerajaan Negeri akan meneliti kaedah/ tatacara terbaik dengan merujuk kepada Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor dan pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terlebih dahulu agar pelaksanaan ini teratur mengikut undang-undang supaya Kerajaan Negeri tidak dicabar dan disaman kelak.

Setelah kaedah/ tatacara tersebut dipersetujui dan dimuktamadkan, Kerajaan Negeri akan membuat edaran kepada agensi-agensi berkaitan dan membuat paparan di laman sesawang berkenaan Pengarah Syarikat dan Pemegang Saham yang disenaraihitamkan tersebut.